

15/05/1999

Tiang Jalur Gemilang mula dipasang semalam

Abdul Karim Mustafa in Kepulauan Falklands

KEPULAUAN FALKLANDS, Jumaat - Kerja pemasangan tiang layar Jalur Gemilang bermula pagi ini di Port Stanley di sini dengan dibantu pegawai dan anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Kerja menggerudi dan menyambung tiang layar itu akan dilakukan di dalam sebuah gudang yang dijadikan bengkel untuk pemasangan berkenaan.

Azhar Mansur menjangkakan, selepas tiang layar itu dipindahkan untuk dipasang kepada Jalur Gemilang, ia akan mengambil masa tujuh hingga 10 hari lagi untuknya melakukan ujian dan penjajaran sebelum boleh meneruskan pelayaran yang tertangguh.

Menurutnya, walaupun ia agak tertangguh sedikit daripada jadual asal, beliau tetap menggunakan laluan asal yang ditetapkan untuk menuju pulang ke Pulau Langkawi.

"Jika semuanya berjalan lancar, pelayaran ini akan tamat menjelang penghujung Jun atau awal Julai depan.

"Diharap semuanya akan selamat tanpa sebarang masalah seperti ini," katanya.

Beliau berkata, tekad untuk menyempurnakan misi Cabaran Jalur Gemilang itu masih kental dan kuat.

Semangat gotong-royong terserlah apabila anak kapal penerbangan A662 turut bangun awal untuk membantu wakil Allyyacht Spars Australia, Joel Berg, untuk memasang tiang layar sepanjang 21 meter yang datang dalam tiga bahagian itu.

Azhar serta pengarah projek, Noel Belman dan penyelaras projek itu, Azmi Mansur sentiasa turut hadir bagi memastikan pemasangan itu berjalan lancar.

Berg terpaksa bekerja bertungkus-lumus seawal jam 8 pagi untuk memastikan tiang itu dipasang kepada Jalur Gemilang selewat-lewatnya tengah hari 15 Mei ini.

Pesawat Hercules C-130 TUDM yang menjalankan misi penghantaran tiang layar baru yang berharga RM150,000 itu dijadualkan berlepas pulang ke Malaysia dari pangkalan Mount Pleasant, jam 3 petang hari berkenaan (3 pagi 16 Mei di Malaysia).

Petang ini, Azhar dan seluruh anggota rombongan penerbangan A662 itu diraikan oleh gabenor baru kepulauan ini, Donald Lamont.

Di majlis berkenaan, Azhar menyampaikan perutusan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada gabenor berkenaan yang kemudiannya dibaca kepada hadirin.

Antara lain, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada penduduk di kepulauan ini kerana membantu pelayar berkenaan sejak beliau tersadai di sini.

Azhar sendiri melahirkan penghargaan kerana diberi bantuan sewajarnya baik daripada orang perseorangan mahupun syarikat swasta selama beliau di sini, sejak dua minggu lalu.

Lamont turut menyampaikan perutusan balas kepada Dr Mahathir yang akan dibawa pulang dengan pesawat TUDM yang akan berlepas pulang 15 Mei ini (Sabtu).

(END)